

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**SOALAN : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah dasar Kerajaan tentang keengganan negara China mengiktirafkan keputusan badan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang tuntutan negara China dalam isu tuntutan pulau-pulau di Laut China Selatan.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia mengambil maklum bahawa Tribunal Timbangtara di The Hague telah memberikan *Award* pada 12 Julai 2016 berhubung prosiding timbang tara yang difailkan oleh Filipina terhadap China berhubung isu Laut China Selatan. Secara ringkasnya, pihak Tribunal Timbangtara telah menolak tuntutan China di Laut China Selatan berdasarkan *nine-dash line*.
3. Pihak China pula telah menegaskan pendiriannya menolak *Award* ini. Namun begitu, China menyatakan komitmen untuk meneruskan rundingan dengan pihak-pihak berkaitan di Laut China Selatan bagi memastikan keamanan dan kestabilan.
4. **Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau UNCLOS 1982.**

5. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *United Nations Convention on Law of the Sea* (UNCLOS) 1982.

6. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)*** pada 4 November 2002.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

8. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***. *COC* merupakan instrumen untuk memastikan kermanan dan kestabilan dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk membolehkan penyelesaian dicapai dan bukannya instrumen untuk menyelesaikan tuntutan itu sendiri.

9. Malaysia seterusnya percaya bahawa pendekatan menghindari tindakan provokasi, atau dengan izin *self restraint* oleh semua anggota negara penuntut dan China, adalah penting untuk mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan.

10. Saya ingin tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah kompleks dan melibatkan hubungan antara negara. Saya juga ingin tegaskan bahawa dalam apa jua keadaan, Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.